

**Pengenalan Awal Tafsir ‘al-Quran al-Karim dan terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh’ Karya Syeikh Mahjiddin Jusuf**

*Introduction to Tafsir al-Quran and the poetic free translation in Aceh of the work of Syeikh Mahjiddin Jusuf*

Ahmad Fakhurrrazi Mohammed Zabidi,<sup>1</sup> Zyaul Haqqi<sup>2</sup>

Terima	Wasiat	Muat Naik e-Jurnal
21 JULAI 2020	24 SEPTEMBER 2020	27 OKTOBER 2020

**ABSTRAK**

*Al-Quran diturunkan oleh Allah SWT ke muka bumi sebagai panduan kehidupan bagi seluruh umat manusia. Untuk memahami isi kandungan al-Quran, kita memerlukan pengetahuan berkenaan dengan ilmu penafsiran al-Quran yang merupakan salah satu cabang ilmu al-Quran yang paling penting. Tanpa penafsiran al-Quran seorang muslim tidak dapat memahami isi kandungan firman Allah SWT dengan betul. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengetengahkan seorang tokoh tafsir Nusantara yang menyumbang pengetahuan dalam ilmu al-Quran yang dilihat semakin dilupakan dan tidak dikenali. Objek kajian ini adalah karya Syeikh Mahjiddin Jusuf yang bertajuk al-Quran al-Karim dan terjemahan bebas bersajak dalam Bahasa Aceh yang ditulis dalam bentuk sastera (puisi) yang dilihat memberi sentuhan yang tersendiri terhadap masyarakat Aceh melalui bahasa yang digunakan oleh Syeikh Mahjiddin. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk analisis dokumen dengan pendekatan induktif. Fokus diberikan terhadap aspek pemilihan kata dan kesusteraan Bahasa Aceh yang terkandung di dalam karya tersebut dalam mengetengahkan penafsiran ayat-ayat al-Quran. Kajian ini mendapati Syeikh Mahjiddin Jusuf dalam karyanya ini menggunakan terjemahan tafsiriyah atau maknawiyah dengan maksud menjelaskan makna ayat al-Quran dengan bahasa kedaerahan di Aceh dengan tidak terikat kepada tertib iaitu susun atur kalimah ayat-ayat al-Quran. Ini disebabkan beliau lebih mengutamakan ketepatan makna dan maksud dengan sempurna yang ingin disampaikan kepada para pembaca walaupun kesannya terjadi perubahan susunan kata atau tertib kalimah. Sememangnya al-Quran tidak boleh diterjemahkan ke bahasa lain secara harfiah atau lafziyah. Lantaran itu, penafsiran secara maknawiyah digunakan kerana ia mengutamakan kejelasan makna. Penerjemahan secara puitis ini juga didapati mengandungi sebahagian daripada elemen Lataif Quraniyah yang dipelopori oleh Imam Fakhr al-Din al-Razi.*

**Kata Kunci:** *Mahjiddin Jusuf, Terjemahan al-Quran, Tafsir Nusantara, ‘al-Quran al-Karim dan terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh’, Lataif Quraniyah.*

**ABSTRACT**

*The Qur'an was revealed by Allah SWT to the earth as a guide for life for all mankind. To understand the contents of the Qur'an, we need knowledge regarding the knowledge of interpretation of the Qur'an which is one of the most important branches of knowledge of the Qur'an. Without the interpretation of the Qur'an a Muslim cannot understand the content of*

<sup>1</sup> Pensyarah di Pusat Kajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Email: [izzar@ukm.edu.my](mailto:izzar@ukm.edu.my),

<sup>2</sup> Calon Sarjana di Pusat Kajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Email: [zyaulhaq214@gmail.com](mailto:zyaulhaq214@gmail.com)

*the words of Allah SWT correctly. This paper aims to highlight an archipelago tafsir figure who contributed knowledge in the knowledge of the Qur'an that is now seen to be forgotten and unknown. The object of this study is the work of Shaykh Yusuf Mahjiddin entitled al-Quran al-Karim and free translation Aceh poetic language written in the form of literature (poetry) that give a distinctive touch to the people of Aceh through the language used by Sheikh Mahjiddin. This qualitative study uses document analysis design with inductive approach. The focus is on the choice of words and literature in Aceh contained in the paper is to highlight the interpretation of the verses of the Quran. This study found that Sheikh Yusuf Mahjiddin in this work using translation tafsiriyah or heavenly with the purpose of explaining the meaning of the Quran with regional language in Aceh is not tied to the layout tartib sentence verses of the Quran. This is because he prioritizes the accuracy of meaning and purpose perfectly that he wants to convey to the readers even as a result there is a change in word order or sentence order. Indeed, the Qur'an cannot be translated into other languages literally or lafziyah. Therefore, meaningful interpretation is used because it prioritizes clarity of meaning. This poetic translation was also found to contain some of the elements of Lataif Quraniyah pioneered by Imam Fakhr al-Din al-Razi.*

**Keywords:** Mahjiddin Jusuf, Translation Quran, Tafsir Archipelago, 'al-Quran al-Karim and free translation rhyming in Aceh', Lataif Quraniyah.

## Pengenalan

Al-Quran diturunkan oleh Allah SWT ke muka bumi sebagai petunjuk bagi seluruh umat manusia sebagai panduan hidup, tetapi untuk memahami isi kandungan al-Quran ini diperlukan pengetahuan tafsir al-Quran yang merupakan salah satu cabang ilmu al-Quran yang terpenting. *Manna<sup>c</sup> al-Qatan* (2009) menyatakan bahawa tafsir merupakan sebahagian daripada ilmu Syariat paling agung yang mempunyai kedudukan tinggi terutamanya dalam aspek objek pembahasan dan tujuannya. Tanpa bantuan daripada pentafsiran al-Quran yang pelbagai, seseorang muslim tidak mungkin dapat memahami kandungan kalam Allah SWT dengan benar.

Ramai orang hari ini, terutamanya yang di luar Aceh Darussalam, yang tidak mengetahui tentang adanya penulisan makna ayat al-Quran yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Aceh. Ia merupakan sebuah karya yang telah disusun dengan baik dan mempunyai keunikan yang tersendiri lantaran olahannya yang begitu puitis. Faktor pengaruh dan perubahan zaman yang berubah dalam sistem pendidikan yang tidak memberikan tumpuan kepada bahasa daerah setempat, membuatkan mempelajari bahasa puisi daerah tidak diminati lagi. Ini menyebabkan karya-karya yang menggunakan bahasa kedaerahan tidak lagi mendapat perhatian hatta dalam kalangan para ilmuwan sedangkan ia adalah suatu warisan yang amat berharga. Lantaran itu, kajian ini dibuat untuk mengetengahkan Syeikh Mahjiddin Jusuf yang telah menyumbangkan ilmunya dalam dunia Islam khususnya di Nusantara dalam bidang pentafsiran al-Quran. Karya beliau yang bersifat monumental yang berjudul '*al-Quran al-Karim dan terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh*' selayaknya mendapat tempat dalam kalangan para ilmuwan dan umat Islam amnya.

Kajian pentafsiran al-Quran di Aceh menarik untuk dikaji secara komprehensif, kerana pertama, Aceh telah melahirkan sejarah peradaban dengan segala dinamikanya yang ikut mewarnai pentafsiran al-Quran dari pada ulama. Empat permaisuri telah memimpin Aceh dengan sokongan-sokongan ulama besar termasuk Syeikh Abdurrauf as-Singkili yang

merupakan contoh konkrit bagaimana ulama menafsirkan ayat *qawwam `ala nisa`* dalam Surah Ali °Imran. Kedua, raja-raja Aceh masa lalu selalu melibatkan ulama dalam pemerintahan yang merupakan suatu keadaan yang mempengaruhi pentafsiran al-Quran. Ini bermakna ada ulama yang berpihak kepada kerajaan sementara yang lain menjadi oposisi. Namun kedua-duanya memiliki produk tafsir yang berbeza nuansa.

### **Metodologi Kajian**

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif yang dilakukan dengan reka bentuk analisis kandungan. Teks yang dipilih ialah '*al-Quran al-Karim dan terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh*' karya Syeikh Mahjiddin Jusuf yang dianalisis secara induktif. Kajian ini memberi fokus terhadap aspek seni terjemahan al-Quran ke dalam bahasa Aceh. Kayu ukur yang dilihat ialah samada terjemahan tersebut secara *lafziyah* atau *maknawiyah*, dan seterusnya dilihat juga seni dan olahan terjemahan tersebut dalam mengetengahkan maksud yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran. Pemilihan tokoh ini bersama karya beliau adalah disebabkan faktor sumbangan yang signifikan dalam keilmuan Islam di Nusantara khususnya dalam bidang Tafsir al-Quran.

### **Hagiografi Syeikh Mahjiddin Jusuf**

Syeikh Mahjiddin Jusuf atau yang digelar dengan Tuengku Mahjiddin Jusuf telah lahir pada hari Isnin 16 September 1918 yang bertempat di Peusangan, daerah Aceh Utara. Beliau merupakan seorang berpengetahuan yang amat prihatin terhadap al-Quran dalam mendidik masyarakat. Ibunya bernama Fatimah dan ayahnya Jusuf bin Atjeh bin Polem (yang lebih masyhur dengan sebutan Fakir Jusuf atau Ma`Oesoeh). Ayahnya juga merupakan seorang yang berpengetahuan juga seorang penyair atau pengarang hikayat di daerah Peusangan. Syeikh Mahjiddin Jusuf meninggal dunia pada tahun 1514 Hijrah bersamaan pada 14 Mac 1994 Masihi, pada usia 74 tahun dan dimakamkan di pemakaman keluarga di kawasan Beurawe, Kuta Alam Banda Aceh (Fauzi Saleh, 2016).

Syeikh Mahjiddin memiliki dua adik-beradik kandung iaitu Mansur dan Abdullah, dan juga memiliki adik-beradik dari ibu tirinya yang bernama Atiyah berjumlah seramai sembilan orang. Sepanjang kehidupan, Syeikh Mahjiddin pernah bernikah dengan tiga orang isteri. Isteri pertama beliau bernama Romlah dan memiliki tiga orang anak, isteri kedua bernama Aisyah Razak dengan tujuh orang anak. Walau bagaimanapun beliau tidak mendapat sebarang zuriat bersama isteri yang ketiga bernama Rawiyah (Mahjiddin Jusuf 1995).

Dalam bidang pembelajaran Syeikh Mahjiddin sudah memperoleh pengetahuan asas agama Islam dari kedua-dua ibu bapanya semenjak kecil. Setelah meningkat ke usia remaja, masanya tidak dihabiskan dengan bermain melainkan pergi belajar ke pondok-pondok pengajian. Antara lain beliau pergi belajar ke Pondok Darul Sa`adah yang bertempat di Desa Cot Bada, Peusangan yang tidak terlalu jauh dari tempat tinggalnya. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran ke tahap '*Aliyah*' di Madrasah al-Muslim bertempat di Matang Gelumpang Dua sehingga tamat pada tahun 1937. Beliau kemudiannya melanjutkan pendidikan tingginya di Sekolah Normal Islam bertempat di Sumatera Barat hingga tahun 1941 (Mahjiddin Jusuf 1995).

Setelah menamatkan pengajiannya di Sumatera Barat, Syeikh Mahjiddin kembali lagi ke Aceh untuk mencurahkan khidmat bakti dalam mengajarkan ilmu-ilmu pengajian Islam

yang sudah dipelajari sebelumnya. Pada awalnya, beliau berkhidmat sebagai pengajar di Madrasah al-Muslim yang merupakan tempat beliau mendapat pendidikan dahulunya. Oleh sebab ketekunannya dalam mengajar dan mendidik siswa, beliau diberi kemudiannya diberi kepercayaan untuk menjadi sebagai pemimpin madrasah hingga tahun 1946.

Karier Syeikh Mahjiddin beralih arah ke peringkat yang lebih tinggi pada tahun 1948 dengan pelantikan beliau sebagai Kepala Pendidikan Agama Provinsi Aceh. Ketika Aceh disatukan dengan Sumatera Utara, Syeikh Mahjiddin dipindahkan untuk bertugas di Medan sebagai Ketua Pendidikan Agama Sumatera Utara. Walau bagaimanapun, Syeikh Mahjiddin tidak bersetuju dengan penyatuan dua daerah tersebut iaitu Aceh dengan Sumatera Utara. Lantaran itu, beliau meletakkan jawatannya sebagai Ketua Pendidikan Agama Sumatera Utara dan akhirnya kembali semula ke Aceh pada tahun 1952 (Mahjiddin Jusuf 1995).

### **Aktiviti Syeikh Mahjiddin Jusuf dalam Bidang Agama dan Dakwah**

Seperti tokoh agama pada umumnya yang lebih memperhatikan umat dan lebih prihatin dalam suasana semasa, Syeikh Mahjiddin Jusuf juga turut membangkit semangat masyarakat Aceh dalam belajar pendidikan Agama Islam. Beliau memainkan peranan ini dengan dimulai di Madrasah al-Muslim, yakni antara tempat terawal beliau menimba ilmu. Beliau bukan sahaja gigih dalam mendidik, bahkan beliau juga memiliki kemahiran dan bakat dalam kesusasteraan Bahasa Aceh. Beliau pandai mengolah ayat dalam bentuk syair sehingga dapat mengarang atau menulis beberapa puisi dan gurindam dalam Bahasa Aceh. Bakat beliau ini lebih terserlah semasa beliau berkhidmat sebagai pemimpin majlis agama terkemuka sehingga beliau akhirnya berjaya menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Aceh dengan bentuk nazam dan gurindam yang puitis (Bilmauidhah, 2011).

Pada tahun 1946 setelah Indonesia merdeka dari penjajahan Belanda, Syeikh Mahjiddin dipilih oleh pemerintah untuk bertugas sebagai Ketua Negeri Peusangan. Semasa berkhidmat sebagai ketua negeri ini, beliau banyak melakukan aktiviti seperti mewujudkan persatuan pemuda kampung untuk menyertai latihan dalam bidang ketenteraan guna untuk mempertahankan Negara Republik Indonesia dari kekuatan tentara bersekutu. Perkhidmatan beliau sebagai Ketua Negeri berlanjutan hingga tahun 1948 kerana selepas itu beliau dipilih pula sebagai Ketua Pendidikan Agama Provinsi Aceh (Dalipah Rahmah, 2016).

Dari sudut pemikiran dakwah, Syeikh Mahjiddin mempunyai prinsip dan pegangan yang tersendiri. Beliau merupakan antara tokoh masyarakat yang membangkang strategi kerajaan Republik Indonesia dalam isu penggabungan antara wilayah Aceh dengan wilayah Sumatera Utara. Lantaran prinsip inilah beliau sanggup melepaskan jawatannya sebagai Ketua Pendidikan Agama di Medan dan pulang semula ke Aceh pada tahun 1952 untuk meneruskan perjuangan kebangkitan dan kemerdekaan masyarakat Aceh (Dalipah Rahmah, 2016).

Syeikh Mahjiddin Jusuf merupakan seorang tokoh yang kuat dalam berpegang dan membela kebenaran tanpa banyak bertolak ansur. Pada masa peristiwa DI/TII<sup>3</sup> terjadi di Aceh pada tahun 1953, Syeikh Mahjiddin ditangkap kerana disyaki terlibat dengan gerakan DI/TII. Tangkapan ini membuatkan beliau dipenjarakan di daerah Binjai. Oleh sebab Syeikh Mahjiddin merupakan seorang cerdik pandai maka selama berada dalam penjara, beliau

---

<sup>3</sup> DI adalah singkatan daripada Darul Islam dan TII adalah singkatan daripada Tentara Islam Indonesia, ini merupakan sebuah gerakan politik untuk mendirikan negeri Islam.

menggunakan waktunya untuk berdakwah kepada orang-orang yang berada dalam penjara tersebut sama ada mereka muslim ataupun bukan muslim. Pengetahuan beliau yang begitu luas dalam ilmu agama dan juga menguasai ilmu nahwu, bayan, ma'ani dan juga tafsir ditambah lagi dengan bakatnya dalam berpuisi menjadi faktor tarikan masyarakat terhadap dakwah yang beliau usahakan. Masyarakat sekeliling tidak berasa bosan dalam mendengar dan mengamati setiap buah bicara beliau.

Berpegang dengan prinsip bahawa manusia yang baik ialah manusia yang dapat memberi manfaat kepada manusia yang lain, maka selama empat tahun berada dalam penjara Syeikh Mahjiddin mengisi waktunya dengan berbagai kegiatan. selain penulisan kitab beliau juga melakukan dakwah termasuklah membimbing orang yang beragama Islam untuk mempraktikkan ajaran Islam seperti solat yang dilakukan secara berjemaah dan berpuasa pada bulan Ramadhan. Bagi penghuni yang bukan Islam pula dibentangkan penghuraian tentang keesaan dan kebesaran Allah SWT serta kebenaran agama Islam. Antara hasil dari dakwah yang dilakukan ialah seramai sembilan orang yang bukan muslim berpindah memeluk agama Islam (Dalipah Rahmah, 2016).

Setelah keluar dari penjara, beliau terus bertugas dalam bidang pendidikan agama di pejabat-pejabat agama. Karier beliau ini memerlukan kepada perpindahan dari satu jabatan ke jabatan yang lain sebanyak beberapa kali sehingga yang terakhir beliau bertugas sebagai Ketua Pendidikan Guru Banda Aceh sejak tahun 1963 sehingga akhir hayat beliau pada tahun 1974. Di samping jabatannya sebagai pegawai negeri, Syeikh Mahjiddin juga pernah menduduki kursi anggota parlimen daerah Aceh dan Sumatera Utara mewakili partai politik Islam MASJUMI, di samping pernah menjadi Imam Besar Masjid Raya Baiturrahman Banda Aceh. Selain itu beliau juga diangkat sebagai Pensyarah Luar Biasa di Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh serta turut terlibat bersama beberapa jabatan lainnya dalam organisasi sosial masyarakat (Mahjiddin Jusuf, 2008).

### **Karya-Karya Syeikh Mahjiddin Jusuf**

Syeikh Mahjiddin Jusuf merupakan salah seorang ulama Aceh yang mampu menuliskan pemikirannya dalam buku-buku sehingga menjadi manfaat bagi masyarakat Aceh sehingga sekarang. Karyanya memiliki nilai yang tinggi dan tersendiri, sesuai dengan latar belakang kehidupan, pendidikan dan juga pengalaman perjuangan yang disertai. Selain kitab '*al-Quran al-Karim dan terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh*', terdapat juga kitab-kitab puisi dan gurindam yang juga di tulis dalam Bahasa Aceh. Dalam bidang pendidikan, beliau turut menulis beberapa kitab yang dijadikan silibus untuk pelajaran siswa tingkat Sekolah Rakyat Islam (SRI)<sup>4</sup>. Bidang yang ditulis adalah bidang pelajaran tafsir dan bahasa Arab dengan menggunakan tulisan Arab Melayu (Jawi). Kitab-kitab ini menjadi panduan pelajaran di *madrasah ibtidaiyah* pada masa berkisar 1950-an.

Namun, di antara karya-karyanya tersebut, kitab '*al-Quran al-Karim dan terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh*' yang merupakan karya yang fundamental di kalangan masyarakat serta mempunyai impak yang tinggi disebabkan keunikan dan keunggulan bahasa puitis yang terkandung di dalamnya. Sekalipun terbitannya tidak dapat dirasakan oleh Syeikh Mahjiddin tetapi manfaat dan nilainya yang terus mengalir sebagai amal jariahnya yang berpanjangan. Kitab ini diterbit berulang kali oleh Pusat Penelitian & Pengkajian Kebudayaan

---

<sup>4</sup> SRI setingkat dengan sekolah rendah atau sekolah dasar.

Islam Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh. Selain dari karya yang telah diterbitkan, Syeikh Mahjiddin juga pernah mengarang beberapa hikayat yang belum dapat diterbitkan seperti puisi yang mengisahkan tentang orang tuanya yang bertajuk “Fakir Jusuf: Penulis hikayat Aceh” pada tahun 1984 (Mahjiddin Jusuf, 2008).

### **Kitab ‘al-Quran al-Karim dan Terjemahan Bebas Bersajak dalam Bahasa Aceh’**

Kitab *al-Quran al-Karim dan terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh* merupakan karya Syeikh Mahjiddin Jusuf yang ditulis dalam kurun ke-20 yang merupakan pentafsiran ringkas mengenai isi kandungan al-Quran. Ia ditampilkan melalui nazam atau puisi dalam Bahasa Aceh, dan kitab ini dianggap sebagai hasil karya yang hebat pada zamannya. Tetapi malangnya, dari semasa ke semasa kitab tafsir ini tidak lagi menjadi istimewa di kalangan masyarakat Aceh khususnya dan Nusantara umumnya. Tidak seperti yang sepatutnya diperlakukan, karya yang monumental ini masih tidak diketahui ramai.

Lantaran itu, kajian mengenai kitab tafsir ini sekaligus memperkenalkan semua kewujudannya kepada umat Islam selain mendedahkan metode yang digunakan oleh Syeikh Mahjiddin Jusuf dalam mentafsirkan ayat-ayat suci al-Quran. Lebih istimewa, pentafsiran dalam bentuk nazam sebenarnya dapat lebih mendekatkan kejiwaan ataupun emosional pembaca dengan kandungan al-Quran itu sendiri. Pada asalnya, kitab ini ditulis dengan tulisan Jawi sehingga kemudian ditulis semula ke dalam tulisan latin supaya lebih mudah masyarakat dalam membaca dan memahaminya dengan menggunakan bahasa daerah iaitu bahasa Aceh.

Syeikh Mahjiddin Jusuf mulai menulis kitab ini pada 25 November 1955 ketika dalam tahanan. Penulisan ini dilakukan untuk mengisi waktu hari-harinya yang berlalu selama berada di dalam penjara. Terjemahan al-Quran ini bukan sekadar menggunakan bahasa Aceh bahkan juga ditulis dalam bentuk nazam atau puisi yang begitu unik dan sistematik. Selama berada dalam penjara masa empat tahun, Syeikh Mahjiddin sudah menterjemahkan al-Quran sebanyak tiga surah iaitu surah Yasin, Al-Kahf dan al-Insyirah. Terjemahan ketiga-tiga surah ini pernah diterbitkan buat kali pertama oleh Harian ‘Duta Panjajita’ Banda Aceh pada bulan Januari dan Februari tahun 1965 secara bersiri sehingga selesai.

Kitab ini ditulis oleh Syeikh Mahjiddin Jusuf dengan tujuan untuk lebih mendekatkan al-Quran kepada masyarakat Aceh. Dengan kata lainnya supaya dapat membumikan al-Quran dengan masyarakat Aceh sehingga mempraktikkan pesan al-Quran dalam kehidupan masyarakat. Keadaan masyarakat yang tidak mahir bahasa Arab membuatkan penulisan kitab ini dilihat sebagai begitu penting bagi masyarakat tatkala itu. Ditambah lagi dengan penyampaiannya dalam gaya puitis membuatkan masyarakat dapat lebih tertarik dalam mengenali, mengetahui serta mempelajari isi al-Quran dengan baik (Dara Humaira, 2018).

Penulisan awal yang dilakukan oleh Syeikh Mahjiddin Jusuf, kitabnya ini ditulis dalam bentuk puitis dengan menggunakan tulisan huruf Arab Melayu (Jawi)<sup>5</sup>, kemudian ia ditulis semula menggunakan huruf latin. Perubahan ini dilakukan untuk lebih memudahkan masyarakat awam dalam membacanya kerana pada naskhah awal penulisan dalam huruf Arab Jawi ini tidak dilakukan secara prinsip yang ketat iaitu tidak secara sistematik. Ini menyebabkan terdapat perkataan yang sama namun ditulis dengan huruf yang berbeza sedangkan kata aslinya berasal dari bahasa Arab. Walaupun selepas diubahsuai ke dalam

---

<sup>5</sup> Naskah awal tersimpan di puastaka Ali Hasyimi dengan katalog Naskah Tua, No. 08/NKT/YPAH/92.

bahasa Aceh yang menyebabkan ia berubah bunyi tetapi ia tetap dituliskan dalam bahasa aslinya iaitu bahasa Arab. Ini mengundang kesukaran kepada para pembaca, lebih-lebih lagi yang tidak mengetahui asas bahasa Arab. Maka, penerbitan dalam tulisan latin diusahakan bagi mengatasi permasalahan ini (Bilmauidhah, 2011).

Penulisan kitab ini secara keseluruhannya memakan masa selama tiga puluh tahun. Pada peringkat awal penulisan dilakukan semasa berada di dalam penjara dan berhasil ditulis sebanyak tiga surah sahaja iaitu surah Yasin, Al-Kahf dan al-Insyirah yang dikenal dengan 'tiga serumpun'. Ia terhenti selama dua puluh tahun, sehinggalah pada tahun 1977 dilanjutkan penulisan kitab ini sehingga selesai ditulis sempurna tiga puluh juzuk pada tahun 1988 iaitu dalam tempoh sebelas tahun. Setelah selesai penulisannya, pada bulan September tahun 1994 kitab ini diterbitkan oleh Pusat Penelitian & Pengkajian Kebudayaan Islam (P3KI) IAIN Ar-Raniry Banda Aceh yang sekarang ini dinaiktaraf menjadi Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh. Selanjutnya, ia dibawa ke Jakarta iaitu di Percetakan Intermedia di Pulau Gadung yang bersedia menerbitkannya. Proses ini diketuai oleh Yusny Saby bersama Ibrahim Husein sebagai perwakilan daripada P3KI bagi mengawal selia proses penerbitannya sehingga selesai dicetak (Fauzi Saleh, 2016).

Pada peringkat permulaan, penulisan ini bukan kegiatan serius yang ingin dicapai oleh Syeikh Mahjiddin. Ia hanya sekadar untuk menghiasi hari-harinya selama berada di dalam penjara sahaja. Namun begitu, setelah bebas dari penjara, beliau mendapat sokongan dan semangat dari sahabatnya yang juga merupakan seorang ulama dan tokoh masyarakat Aceh yang tersohor iaitu Syeikh Abu Daud Beureueh untuk meneruskan tulisannya hingga tamat tiga puluh juzuk al-Quran. Bertitik tolak daripada sokongan semangat dari sahabatnya itu Syeikh Mahjiddin meneruskan penulisan dengan serius sehingga selesai 30 juzuk al-Quran pada tahun 1988.

Dalam penulisan kitab ini, terlebih dahulu Syeikh Mahjiddin memahami isi kandungan ayat dengan merujuk kepada kitab rujukan tafsir seperti kitab Tafsir Ibn Katsir dan Tafsir al-Tabari. Kemudian segala makna yang terkandung dalam ayat tersebut diolah semula ke dalam Bahasa Aceh sehingga apabila kitab ini dibaca oleh orang yang memahami al-Quran, maka akan merasakan kebebasan penterjemah dalam menyampaikan pesan-pesan yang terdapat dalam ayat al-Quran sehingga memberikan sentuhan emosional terhadap pembaca dengan pendekatan yang puitis. Oleh sebab itu maka pada akhirnya Syeikh Mahjiddin memberi tajuk kitabnya dengan '*al-Quran al-Karim dan terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh*' (Mahjiddin Jusuf, 1995).

Dari semasa ke semasa, kumpulan penyunting dan penerbit bawah kelolaan P3KI IAIN Ar-Raniry yang sekarang telah dinaik taraf menjadi Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh selalu berunding dengan Syeikh Mahjiddin sehingga dilakukan perubahan-perubahan seperlunya terhadap mana-mana pentafsiran yang mengandungi kesamaran maksudnya setelah mencapai keputusan muktamad secara bersama. Syeikh Mahjiddin menjelaskan bahawa dalam menafsirkan al-Quran tersebut ia berusaha memahami isi kandungan terlebih dahulu sebelum ia menerjemahkannya ke dalam bahasa Aceh yang kemudian ditulis dalam bentuk nazam.

Perbezaan ketara yang dikenal pasti dalam kitab ini berbanding kitab-kitab yang lain ialah Syeikh Mahjiddin menjadikan Surah Taha ayat 2-4 sebagai pada bahagian awal dalam pendahuluan kitabnya. Adapun kitab-kitab lain pada waktu itu sering menjadikan Surah al-Waqi'ah ayat 79 dan Surah Qaf ayat 45 sebagai pendahuluan. Dilihat dari sudut makna, Surah Taha ayat 2-4 bermaksud, "*Kami tidak menurunkan Al-Quran kepadamu (Wahai Muhammad)*

*supaya Engkau menanggung kesusahan. Hanya untuk menjadi peringatan bagi orang-orang Yang takut melanggar perintah. Allah. (Al-Quran) diturunkan dari (Tuhan) Yang menciptakan bumi dan langit Yang tinggi.”* Manakala Surah al-Waqi‘ah ayat 79 pula bermaksud, “*Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk Yang diakui bersih Suci*” dan Surah Qaf ayat 45 pula bermaksud, “*Kami lebih mengetahui apa Yang mereka katakan (dari berbagai tuduhan terhadapmu Wahai Muhammad), dan Engkau bukanlah seorang Yang berkuasa memaksa mereka (supaya masing-masing beriman). oleh itu, berilah peringatan Dengan Al-Quran ini kepada orang Yang takutkan janji azab Ku).”*

Dengan meletakkan Surah Taha ayat 2-4 pada permulaan kitab menunjukkan bahawa Syeikh Mahjiddin telah menetapkan tujuan bahawa kitab yang ditulisnya ini merupakan salah satu usaha yang dilakukan supaya masyarakat lebih mudah dalam memahami al-Quran selain untuk dijadikan sebagai semangat buat masyarakat Aceh untuk terus mengkaji al-Quran itu sendiri. Ayat ini secara eksplisit menyatakan bahawa bermaksud yang dikehendaki adalah al-Quran diturunkan bukan untuk mempersulit urusan manusia ataupun menyusahkan mereka dalam memahaminya, akan tetapi Allah menghendaki untuk memudahkan dan memberi petunjuk kepada manusia dengannya yakni al-Quran.

Syeikh Mahjiddin Jusuf melalui karyanya telah membangkitkan tradisi memahami teks al-Quran dalam terjemahan dengan bentuk puisi yang sangat mengambil berat susun alur kata yang indah, teratur irama serta bunyi intonasi yang sesuai dengan kaedah-kaedah puisi. Selain itu pilihan kata yang digunakan juga mudah difahami oleh orang awam dengan tujuan untuk menghidupkan sastera serta pendekatan terhadap makna ayat al-Quran dengan elemen estetika dan menyentuh perasaan. Ini kerana penggunaan bentuk puisi dalam menterjemahkan makna ayat al-Quran adalah lebih mudah dalam mendekati perasaan ataupun emosional pembaca dengan maksud yang disampaikan oleh ayat al-Quran, kerana memang fitrah masyarakat sangat menggemari bahasa puisi, lebih-lebih yang bersifat kedaerahan yang digunakan sehari-hari.

Tarmizi Taher yang bertindak sebagai Menteri Agama Republik Indonesia masa itu memberi ucapan alu-aluan dan penghargaan untuk kitab Syeikh Mahjiddin ini dengan mengatakan bahawa penerbitan al-Quran al-Karim dan terjemahan ini mempunyai erti yang tersendiri berbanding penerbitan yang lain. Pertama, al-Quran dan terjemahan dalam nazam ini merupakan hal yang baru dan pertama khususnya di Aceh dan umumnya di Indonesia bahkan di seluruh Nusantara. Kedua, kitab ini dapat mendekati satu langkah dalam menghayati kandungan al-Quran dan memperdalamkan lagi ajaran agama Islam dalam menyambut lima puluh tahun kemerdekaan Indonesia yang mempunyai banyak warna bangsa, bahasa dan budaya (Mahjiddin Jusuf, 2008).

Selain menteri agama Indonesia, Syamsuddin Mahmud yang menjawat sebagai Gabenor Ketua Daerah Istimewa Aceh atau sekarang sudah berubah nama menjadi Aceh juga ikut memberi kalam pendahuluan dengan hadirnya karya Syeikh Mahjiddin Jusuf ini seraya menobatkan bahawa, “Syeikh Mahjiddin Jusuf merupakan salah seorang tokoh di Majlis Ulama Indonesia daerah istimewa Aceh yang telah berupaya dengan segala ketulusan hati untuk menyelesaikan terjemahan ini. Natijah daripada kegigihan, kesungguhan dan keikhlasan beliaulah kitab ini dapat kita miliki. Semoga pekerjaan mulia ini menjadi amal yang bermanfaat dan sedekah jariah yang akan memberikan pahala secara terus menerus kepada al-marhum. Penerbitan ini juga merupakan puncak dari sumbangan spiritual dan budaya dari masyarakat Aceh dalam menyambut setengah abad Indonesia merdeka (17 Ogos 1995). Kitab ini akan membantu masyarakat daerah Aceh untuk memahami kandungan isi al-Quran secara

konstekstual, kerana bahasa yang digunakan dalam terjemahan ini mudah di fahami oleh masyarakat daerah Aceh.” (Mahjiddin Jusuf, 1995).

Syeikh Mahjiddin mengatakan kepada sidang penyunting tentang kitab rujukan utama yang digunakan dalam penulisan kitab ini adalah kitab karangan Ibnu Katsir (w.774 H), kitab tafsir karangan Al-Zamakhsyari (w.538H) dan kitab tafsir al-Tabari (w310H). Manakala dalam proses terjemahan al-Quran sebagai perbandingan beliau menggunakan terjemahan al-Quran dalam bahasa Indonesia susunan A. Hassan, Mahmud Yunus, H.B Jassin dan Yayasan Penyelenggara Penterjemah Al-Quran (Department Agama) (Mahjiddin Jusuf, 1995).

Ibrahim Zaki Khursyid (1985) menyatakan dalam kitabnya yang bertajuk *al-Tarjamat wa Mushkilatuha* bahawa proses melakukan terjemahan atau tafsiran dalam bentuk puisi lebih susah dilakukan berbanding dengan tafsiran biasa. Hal ini disebabkan oleh, *pertama*, terdapat penekanan dalam memilih perkataan yang digunakan ayat yang sesuai dan bernilai sastera. *Kedua*, perlu mendalami perkataan dari bahasa aslinya sambil meresapi dan menghayati maknanya supaya mudah untuk dialihkan ke dalam bahasa sasaran dalam bentuk puisi yang bernilai bagus. Tambahnya lagi, boleh jadi dalam menterjemahkan sesuatu teks ke dalam bentuk puisi tahapannya lebih panjang daripada sekadar menterjemah atau mentafsir secara bebas (Mahjiddin Jusuf, 1995).

Kitab ini telah dicetak sebanyak tiga kali, yang mana cetakan pertama pada tahun 1995 di Jakarta yang diterbitkan oleh P3KI IAIN Ar-Raniry (sekarang jadi UIN Ar-Raniry), cetakan kedua pada tahun 2008 secara kerjasama antara P3KI UIN Ar-Raniry dengan Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi Aceh-Nias. A. Rani Usman seorang pensyarah di Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Fakulti Dakwah mengatakan bahawa pada tahun 2008 kitab ini di cetak sebanyak 12,000 naskhah yang kemudiannya diagih-agihkan secara percuma kepada masyarakat Aceh, institusi ataupun perguruan tinggi yang ada di Aceh serta pondok-pondok dengan harapan masyarakat lebih mudah dekat dengan al-Quran serta dapat menambah dan membuka wawasan masyarakat Aceh. Selain itu ada juga yang dikirim ke luar negara seperti Belanda, Mesir, Malaysia, Kanada, Taiwan dan beberapa negara lainnya. Pengiriman ini dilakukan untuk memperkenalkan karya tersebut dan budaya masyarakat daerah Aceh yang diberi jolokan sebagai daerah Serambi Mekkah kepada dunia internasional.

Seterusnya, cetakan kali ketiga ialah pada tahun 2018 dalam secara kerjasama antara Kementerian Agama Republik Indonesia dengan Universiti Islam Negeri Ar-Raniry yang telah dipersetujui pada bulan Mac 2017. Warul Walidin yang menjawat sebagai Pengarah Universiti Islam Negeri Ar-Raniry menyatakan bahawa kitab ini fungsinya sangat luar biasa terhadap generasi akan datang. Mereka dapat mempelajari al-Quran sejak awal yang diperkenalkan dengan bahasa ibunda, yang menjadikan penerapan serta penyerapannya lebih dekat dan berkesan. Ia juga dapat dipelajari baik di rumah, tempat pengajian kanak-kanak dan tempat pendidikan lainnya. Memperkenalkan al-Quran kepada kanak-kanak secara langsung dengan menggunakan bahasa ibunda, ini lebih sangat strategik dan luar biasa, sehingga dapat dengan mudah difahami dengan baik.

## Perbincangan

Kajian lepas yang dilakukan oleh Kurniawan (2002) menyebutkan bahawa ada rasa ketidakpuasan dalam diri Syeikh Mahjiddin Jusuf dengan kitab tafsir yang sudah ada kerana tidak dapat menyentuh semua lapisan masyarakat, terutama masyarakat Aceh. Sebagai kitab

panduan, al-Quran seharusnya difahami maksud dan kandungan isinya oleh umat Islam. Oleh itu, dengan ilmu yang dimilikinya, Syeikh Mahjiddin Jusuf berusaha menerjemah kandungan al-Quran semasa di dalam penjara, dengan bakat yang diturunkan dari ayahnya sehingga ia menyampaikan dalam bentuk sastera yang menjadi keunikan tersendiri bagi kitabnya.

Dara Humaira juga mengkaji kitab ini yang memfokuskan kajian pada estetik terjemahan bersajak dalam Surah al-Takwir. Dara mengatakan dalam kajiannya bahawa model persajakan yang digunakan oleh Syeikh Mahjiddin Jusuf dalam al-Qur'an terjemahannya sedikit sebanyak terpengaruh oleh bentuk dan model persajakan dalam hikayat Aceh. Unsur estetik dalam kitab ini ditampilkan melalui keharmonian rima (*phok/antok*) dan ritme (*buhu*) (Dara Humaira, 2018).

Keunikan yang ditampilkan dalam kitab ini terletak pada terjemahan al-Quran yang berbentuk puisi, sebahagian literatur menyebutkannya *nazam* (sajak) dengan memasukkan unsur-unsur Qurani ke dalam nuansa budaya. Bentuk puisi ini sangat dipengaruhi oleh kebudayaan yang dominan di masyarakat Aceh saat itu yang banyak mengabadikan pelbagai peristiwa dan pelajaran keagamaan melalui medium sastera sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Pentafsiran dalam bentuk puisi ini tentunya memiliki kepayahan disebabkan tafsir berbentuk puisi diikat oleh unsur-unsur persajakan. Dalam hal ini yang di maksudkan adalah persajakan Aceh yang secara ketat menjaga rime dan ritme dalam persajakan yang berlaku ketika kitab ini sedang ditulis. Pengarang tidak hanya harus memahami makna dari lafaz al-Quran yang sangat luas, tetapi juga berusaha menyampaikan pesan yang dikandung al-Quran dalam bentuk puisi yang terikat dengan pola-pola yang ada.

Keunikan yang dimiliki oleh kitab ini adalah keadaannya tersendiri terhadap masyarakat Aceh dalam menyampaikan maksud ayat al-Quran yang mudah difahami. Di samping itu juga tidak banyak ditemukan kitab tafsir yang menyampaikan maksud ayat secara sastera yang dapat dinikmati oleh pembaca sekalipun sudah jauh perkembangan zaman. Namun begitu, disebabkan bahasa yang digunakan dalam kitab ini ialah bahasa daerah di Aceh maka yang dapat membaca dan memahami serta menjiwa bahasa puisi yang disampaikan hanyalah terbatas kepada masyarakat daerah tersebut sahaja.

Pilihan perkataan yang disampaikan dalam bahasa Aceh dalam kitab ini dilihat sangat bersesuaian dengan maksud ayat al-Quran yang sedang dibicarakan. Perkataan yang dipilih dalam bahasa puisi ialah perkataan yang bagus, lembut, tepat serta memiliki makna yang mendalam terhadap kefahaman ayat sehingga dapat dijiwai oleh pembaca. Selain itu juga susun atur perkataan sangat dilihat begitu sesuai dengan keserasian bunyi sehingga dapat menyenangkan pembaca dalam menikmati bahasa puisi yang meliputi keseluruhan makna ayat sehingga dapat difahami oleh masyarakat dari latar belakang yang berbeza sama ada petani atau orang cerdik pandai. Perihal ini dalam konteks ilmu Tafsir disebut sebagai *Asalibul Bayan*. Pastinya yang dikehendaki di sini ialah *asalibul bayan* dalam konteks bahasa Aceh, sehingga apabila orang Aceh yang membaca bahasa puisi tersebut menjadi seronok dan dapat menikmati akan bahasa yang disampaikan terhadap makna ayat al-Quran. Contohnya dalam Surah al-Kautsar ayat 1-3.

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ۖ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ۚ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ۚ

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (Wahai Muhammad) kebaikan Yang banyak (di dunia dan di Akhirat). Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-

*mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur). Sesungguhnya orang Yang bencikan engkau, Dia lah Yang terputus (dari mendapat sebarang perkara Yang diingininya).*

Dalam bahasa Aceh seperti yang dipetik daripada kitab ni, ia ditulis:

*Keubit kamoe bri keu gata nikmat, Kamoe bri lee that hana ban peugah,  
Teuma seumbahyang pujoe Po gata, Keureubeun sigra ta sie beubagah,  
Ureung yang benci teuma keu gata, Putoh meuleua rahmat bak Allah*

Dalam konteks bahasa Aceh, puisi di atas nampak keserasian bunyi yang digunakan adalah *zig zag* ataupun selang-selang dengan bunyi huruf *at* dan *ah* pada akhir kata dan bunyi huruf inilah yang paling banyak digunakan dalam keserasian bunyi. Keunikan yang dimiliki oleh kitab ini dengan ditulis dalam bentuk sastra maka terbuka kajian lebih lanjut untuk memperkenalkan karya monumental ini sehingga lebih banyak yang mengetahui dan mudah dalam memahami makna ayat al-Quran secara ringkas namun mencukupi. Kajian lanjutan ini tidak hanya terbatas dari sudut pengkajian al-Quran tetapi juga dari pengkaji bahasa sehingga lebih dikenal oleh masyarakat secara meluas akan karya sastra Syeikh Mahjiddin ini.

Syeikh Mahyiddin Jusuf menafsirkan al-Quran dengan menggunakan kaedah nazam (sastra) supaya dapat membangkitkan semangat bangsa Aceh untuk mendalami al-Quran sehingga mendatangkan sentuhan emosional secara langsung dengan isi kandungan al-Quran. Justeru, terdapat unsur *Lataif Quraniyah* yang membuatkan pembaca dapat meresapi kandungan al-Quran serta mencetuskan rasa takzim terhadap Allah SWT, kecintaan terhadap Rasulullah SAW serta merasa diri sebagai hamba yang *haqir* lagi *faqir* di hadapan Allah. Banyak ulama tafsir yang telah mengkaji tentang makna ayat al-Quran sama ada makna secara tersurat pada zahir ayat, dan juga makna tersirat yang terkandung di sebalik ayat. Lebih mendalam lagi, terdapat juga perbincangan tentang makna di sebalik dari yang tersirat yang dikenal dengan *Lataif Quraniyah* (Ahmad Fakhruddin & Wan Nashruddin, 2016).

Oleh sebab karya Syeikh Mahjiddin Jusuf ini bersifat lokal iaitu hanya dapat difahami oleh orang Aceh sahaja sebagaimana niat asal beliau iaitu supaya orang Aceh dapat lebih memahami maksud ayat al-Quran maka penghuraian tentang *lataif* itu tidak begitu mendalam seperti yang telah dilakukan oleh Imam al-Razi. Namun terdapat elemen-elemen *lataif* dalam kata bahasa Aceh yang dipilih oleh Syeikh Mahjiddin yang disampaikan dalam nazamnya sehingga membuat masyarakat bukan sahaja memahami bahkan menghayati pesanan dan pedoman dari al-Quran.

Walaupun dalam tulisan tajuk kitab ini tidak didapati kalimah 'tafsir', akan tetapi karya terjemahan kitab ini tetap diklasifikasikan dalam kitab tafsir kerana ia mengandungi pentafsiran ayat al-Quran secara *ijmali* atau terjemah *tafsiriyah* yakni menjelaskan seluruh ayat al-Quran secara ringkas dan padat dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami dan indah untuk dibaca. Ini merujuk kepada takrif kalimah tafsir itu sendiri yang bermaksud untuk menjelaskan terhadap suatu ayat sehingga mendapatkan keterangan sama ada ringkas mahupun huraian panjang yang dapat difahami oleh pembaca (Nasruddin Baidan, 1998). Sebagai perbandingan, kitab tafsir *Al-Jalalyn* karya Imam Jalaluddin al-Suyuti dan Jalaluddin al-Mahalli juga merupakan salah satu kitab tafsir yang menggunakan pendekatan *Ijmali* (Fauzi Saleh, 2012).

Sekalipun pentafsiran yang terkandung dalam kitab ini adalah ringkas namun ia mencukupi keseluruhan makna yang dikehendaki oleh ayat al-Quran, samada yang melibatkan akidah mahupun feqh. Tidak terdapat sebarang kecurigaan atau isu sensitif yang berbangkit dalam pentafsiran beliau berkenaan dengan akidah kerana Syeikh Mahjiddin Jusuf dengan jelas berpegang dengan akidah ahli al-sunnah wa al-Jamaah. Ini berdasarkan kepada penghuraianya terhadap ayat-ayat akidah ataupun ayat-ayat sifat. Selain itu dari sudut fiqh, beliau berpegang kepada mazhab yang disusun oleh Imam al-Syafie seperti masyarakat Aceh yang lain umumnya.

Orang Aceh masa lalu memang terkenal dengan kesusasteraannya. Ini terbukti apabila mereka ingin menyampaikan sesuatu, metode yang banyak digunakan ialah dalam bentuk puisi ataupun hikayat yang tidak terlepas dari pesan-pesan agama Islam. Bentuk hikayat dan puisi ini merupakan suatu keagungan tersendiri bagi masyarakat Aceh sekaligus ia menjadi sebahagian daripada metode mereka dalam menyampaikan dakwah dan tarbiyah. Seorang wartawan dan juga merupakan sasterawan dari Mesir pernah berkunjung ke Aceh pada tahun 1930-an sebagaimana yang dikeluarkan oleh Majalah al-Hilal, menyatakan rasa kagumnya serta mengakui kebolehan orang Aceh dalam menciptakan puisi secara spontan. Keadaan orang Aceh saling tidak tumpah seperti orang Arab dalam konteks syair dan puisi (Mohd. Harun 2012).

Seorang antropologi dari Aceh iaitu Kamaruzzaman Bustamam Ahmad (2017) yang telah mempelajari tentang sastera kebudayaan Aceh menyebutkan bahawa Aceh tanpa sastera bagaikan rumah tanpa tapaknya. Misalnya dalam membangkitkan semangat berjuang membela negara juga disampaikan melalui syair yang dikenal dengan hikayat perang *sabi* Karya Teungku Chik Pante Kulu dan Hikayat Perang *Cumbok*. Hikayat-hikayat berbentuk gurindam ini dibuat atas dorongan kesedaran besarnya pengaruh syair-syair terhadap semangat jihad pada zaman Rasulullah SAW yang dihayatikan oleh para sahabat, antaranya Hasan bin Sabit (A. Hasyim, 1977).

Hikayat Perang *Sabi* dan Perang *Cumbok* ini mempunyai nilai yang bagus sehingga membuatkan musuh Belanda ketakutan untuk melakukan perlawanan. Namun, dua hikayat ini juga semakin dilupakan oleh masyarakat Aceh sekarang sehingga sudah tidak ada lagi bacaan hikayat ini yang didengar pada masa sekarang. Banyak hikayat yang kemudian ditulis ulang dari huruf jawi ke dalam huruf latin, setelah Snouck Hurgronje menetapkan bacaan latin Bahasa Aceh yang diambil dari bahasa Perancis kerana melihat huruf vokalnya memiliki persamaan dengan bunyi huruf vokal Bahasa Aceh (Bilmauidhah, 2011).

### **Kelebihan dan Kekurangan Kitab**

Secara umum, tafsir yang menggunakan metode *ijmali* (global) dalam menghuraikan ayat mempunyai kelebihan tersendiri berbanding yang lain. Walaupun ia nampak sederhana, mudah difahami serta ringkas dalam menghuraikan maksud ayat, namun, ia jauh dari isu yang tidak baik seperti terhindar daripada masuknya Israiliyat. Tafsir yang menggunakan metode *ijmali* ini biasanya bahasa yang digunakan lebih mudah dijangkau atau difahami oleh pembaca awam serta terasa akrab dengan bahasa al-Quran. Dari sudut kekurangannya pula, tafsir *ijmali* ini hanya menjelaskan maksud ayat dengan terlalu ringkas sehingga menjadikan maksud ayat terasa dangkal, tidak memberi wawasan yang lebih luas sehingga petunjuk yang dikandung ayat al-Quran bersifat tidak menyeluruh (Fauzi Saleh, 2016).

Dari sudut pengamatan terhadap kelebihan kitab *al-Quran al-Karim dan terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh*, pertama sekali ia dapat menarik perhatian warga Aceh dalam memahami kandungan al-Quran, dengan menggunakan pendekatan nazam dalam menyampaikan sehingga menjadikan perasaan ataupun emosi pembaca lebih dekat dengan al-Quran itu sendiri. Ini begitu identik dengan tabiat dan kebiasaan warga Aceh lebih suka menyampaikan maklumat dalam bentuk syair dan gurindam. Keadaan ini menjangkau sehingga banyak ilmu agama yang disampaikan lewat nazam ataupun syair yang dapat membakar semangat pembaca bahkan dalam membangkitkan semangat perjuangan melawan penjajahan Belanda juga disampaikan lewat nazam seperti yang dikenal dengan *Hikayat Perang Sabi* dan *Hikayat Perang Cumbok*. Ia ternyata berhasil membuatkan Belanda ketakutan sehingga mereka bertindak balas dengan membunuh sesiapa sahaja yang dijumpai menghafal ataupun menyampaikan hikayat perang tersebut.

Kelebihan yang kedua pula dilihat dari sudut bahasa yang digunakan juga merupakan bahasa daerah setempat sehingga menjadi daya tarik tersendiri sehingga lebih memberikan motivasi bagi pembaca tentang pesan-pesan al-Quran. Di samping itu bahasa yang digunakan dalam penulisan juga mudah difahami oleh orang Aceh. Ketiga, ia dapat memberikan nuansa keadaan yang khas bagi warga Aceh dalam memahami kitab tersebut yang menggunakan bentuk nazam sehingga dapat mempengaruhi orang lain untuk mengetahuinya bahkan menjadi pemangkin kepada penutur bahasa-bahasa lain untuk turut melakukan hal yang sama. Akhirnya, yang keempat adalah dari sudut penghuraianya secara global dan menyeluruh sehingga dapat dijadikan asas dalam kajian makna-makna al-Quran dengan lebih mendalam melalui tafsir-tafsir secara *tafsili*.

Jika dilihat dari sudut kelemahan pula, Syeikh Mahjiddin Jusuf dalam menuliskan kitabnya menggunakan bahasa daerahnya sendiri supaya memudahkan orang tempatan dalam membaca dan memahami selain untuk menjadi daya penarik bagi mereka. Namun hal ini pada masa yang sama sebenarnya menjadi suatu kelemahan bagi karya ini kerana manfaatnya hanya terbatas kepada orang tempatan sahaja. Masyarakat daripada luar Aceh dan mereka yang tidak memahami Bahasa Aceh bukan sahaja susah untuk membaca bahkan juga untuk memahaminya. Ini ditambah pula dengan keadaannya yang ditampilkan dalam bentuk puisi dan syair. Gaya nazam ini adalah suatu keunikan bagi karya Syeikh Mahjiddin Jusuf namun menjadi keterbatasan dalam memahaminya bagi orang luar daerah Aceh. Alangkah indahnya jika kitab ini ada yang menterjemahkannya pula dalam bentuk puisi dengan Bahasa Melayu dalam agar dapat dirasakan manfaatnya oleh masyarakat luas sehingga sekarang.

Sebagai contoh, dinukilkan di sini terjemahan kandungan Surah Al-Fatihah dari Bahasa Aceh seperti yang terkandung dalam kitab ini ke Bahasa Melayu dengan meraikan laras puisinya.

<b>Bahasa Aceh</b>	<b>Bahasa Melayu</b>
1. Ngon nama Allah lon peuphon surat Tuhan Hadharat nyang Maha Murah Tuhanku Sidro geumaseh that-that Donya akhirat rahmat Neulimpah	1. Dengan nama Allah memulai surah Tuhan Hadharat yang maha pemurah Tuhanku yang <i>ahad</i> maha penyayang Yang memberi rahmat dunia dan akhirat
2. Sigala pujoe bandum lat batat Bandum nyan meuhat milek potallah Nyang peujeut alam timu ngon barat Bandum lat batat peuneujeut Allah	2. Segala puji-pujian yang telah dicipta Itu berhak milik bagi Allah Yang menciptakan alam timur serta barat Semua insan juga alam ciptaan Allah
3. Tuhanku sidroe geumaseh that-that Donya akhirat rahmat neulimpah	3. Tuhanku yang maha pemurah dan lagi maha penyayang

4.	Droneuh nyan Raja uroe akhirat Amai dum meuhat sinan neubalah	Yang melimpahi rahmat dunia dan akhirat
5.	Keudroneuh hai po kamoe ibadat Tulong meularat droneuh nyang peuglah	4. Yang merajai hari akhirat (hari pembalasan)
6.	Neutuyok kamoe wahe hadharat Bak jalan teupat beuroh meulangkah	Iaitu hari yang diberi balasan amal
7.	Bak jalan ureung nyang neubri nikmat Jalan seulamat bek jalan salah Bek roh bak jalan ureung nyang sisat Ureung yang batat muruka Allah	5. Hanya kepada engkau kami menyembah Hanya kepada engkau kami mohon pertolongan
		6. Tunjuki kami wahai hadharat Di jalan lurus tetapkan langkah
		7. Iaitu jalan mereka yang engkau curah nikmat Jalan selamat bukan jalan yang salah Jangan tunjuki jalan mereka yang di benci dan sesat Yang menjadi sebab murka Allah

## Penutup

Syeikh Mahjiddin Jusuf dalam menulis karyanya yang diberi judul '*al-Quran al-Karim dan terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh*' menggunakan terjemahan *tafsiriyah* atau *maknawiyah* yang bermaksud menjelaskan makna ayat al-Quran dengan bahasa lain dengan tidak terikat kepada susunan kalimat bahasa asal. Terjemahannya pula adalah *ijmali* sahaja. Dalam hal ini lebih mengutamakan ketepatan makna dan maksud dengan sempurna walaupun akibatnya terjadi perubahan susunan kata atau *tartib kalimat*. Ia disebut tafsir *maknawiyah* kerana mengutamakan kejelasan makna. Proses terjemahan yang beliau lakukan ini adalah dengan cara mendalami dan memahami maksud ayat terlebih dahulu, kemudian disusuli dengan penyusunan maksud ayat tersebut dalam kalimat bahasa penerima (Aceh) tanpa terikat dengan susunan kata atau kalimat dari bahasa asal. Perkataan-perkataan yang dipilih tetap dapat menghadirkan nuansa seni dan nilai kesusasteraannya yang tersendiri. Karya ini diperkirakan sebagai begitu unik lantaran amat jarang didapati terjemahan al-Quran ke bahasa lain dalam bentuk puisi. Ia mempunyai nilai-nilai Lataif Quraniyah yang tersendiri, khususnya dalam konteks bahasa dan masyarakat Aceh. Lantaran itu, kajian yang bersifat pengenalan awal terhadap karya monumental ini wajar untuk dilanjutkan dengan pelbagai bentuk kajian lain yang merentas disiplin untuk dimanfaatkan pada masyarakat kini dan akan datang.

## Rujukan

- Abdullah Ishak. 1990. *Islam di Nusantara Khususnya di Tanah Melayu*. Selangor: al-Rahmaniah.
- Ahmad Fakhurrizi Mohammed Zabidi & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2016. *al-Lata'if dalam Tafsir Mafatih al-Ghayb*. Jurnal TAMU Vol. 2: Bangi.
- Ahmad Hasyimy, 1977. *Sumbangan Kesusasteraan Aceh dalam Pembinaan Kesusasteraan Indonesia*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang
- Ali Hasyimi. 1978. *Bunga Rampai Revolusi Dari Tanah Aceh*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Bilmauidhah. 2011. *Puitisasi Terjemahan Alquran: Analisis Terjemah Alquran Bersajak bahasa Aceh*. Banda Aceh: Pena.

- Dalipah Rahmah. 2016. *Penilaian Kualitas Terjemahan dari Aspek Keterbacaan dalam al-Quran al-Karim Terjemahan Bebas Bersajak dalam Bahasa Aceh Karya Mahjiddin Jusuf*, Jakarta: UIN Syarif Hidayatullah.
- Dara Humaira, 2018. *Resepsi Estetik terhadap al-Quran (studi atas penggunaan nazam/nalam dalam al-Quran al-Karim dan terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh karya Mahjiddin Jusuf*, Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga.
- Fauzi Saleh, 2012. *Mengungkap Keunikan Tafsir Aceh*, Jurnal al-Ulum, Vol, 12. No. 2. Gorontalo: Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sultan Amai.
- Fauzi Saleh, 2016. *Perkembangan Tafsir Aceh*. Banda Aceh: Ushuluddin Publishing.
- Ibrahim Zaki Khursyid. 1985. *al-Tarjamat wa Mushkilatuha*. Kaherah: al-Hai'ah al-Misriyyah al-Ammah lil Kitab.
- Kamaruzzaman Bustamam Ahmad, 2017. *Acehnologi*, vol.2 Banda Aceh: Bandar Publishing.
- Kurniawan. 2002. *Alquran al-Karim dan Terjemah Bebas Bersajak dalam Bahasa Aceh*. Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga.
- Mahjiddin, Jusuf. 2008. *Al-Quran al-Karim dan Terjemahan Bebas Bersajak Dalam Bahasa Aceh*. Jakarta: PT. Intermedia.
- Mohd. Harun. 2012. *Pengantar Sastra Aceh*. Bandung: Citapustaka Media Perintis
- Nasruddin Baidan. 1998. *Metodologi Penafsiran Al-Quran*. Jakarta: Yayasan Cakra Daru.
- Taufiq Abdullah, 1987, *Islam dan Masyarakat, Pantulan Sejarah Indonesia*. Jakarta: LP3ES.
- Zianuddin, 1961, *Tarikh Aceh dan Nusantara*. Medan: Pustaka Iskandar Muda.

<https://uin.ar-raniry.ac.id/index.php/id/posts/masyarakat-aceh-segera-miliki-alquran-terjemahan-bahasa-ibu>

<https://www.nu.or.id/post/read/11005/al-quran-berbahasa-aceh-dikirim-ke-luar-negeri>